



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
2024 SUPPLEMENTARY EXAMINATION**

CRIMINAL PROCEDURE

Monday, 11 November 2024

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B' .**
 - * YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 9 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidates MUST answer this question**

On 8 June 2024, a police party led by Assistant Superintendent of Police (ASP) Yaakub went to a house at Kampung Baru Ayer Keroh, Malacca, acting on information received about stolen property. On reaching the house, they were let in by a Chinese male who introduced himself as “Chan”. There were three persons in the house at that time, which was at about 11.45 p.m., namely Chan and his parents. ASP Yaakub introduced himself as a police officer from Malacca Contingent Police Headquarters. The house was comprised of two rooms which were situated immediately to the right of the house upon entry, a hall, a kitchen and a bathroom at the back of the house. After letting the police into the house, Chan was told by ASP Yaakub, “Ikut saya” which Chan did. Chan was then asked by ASP Yaakub, “Di mana bilik awak?” to which Chan answered, “Sana tuan” pointing to the first room on the right of the house. The police then went about the house, starting with the first room. Upon entry to the first room, Chan, who was following ASP Yaakub, was again asked, “Ini bilik siapa?” to which Chan replied, “Bilik saya tuan.”. The police recovered and took away from the first room a total of 19 credit cards bearing different names and numbers, none of which carried Chan’s name. Of the 19 different cards, 6 cards were found in a black bag on a table, 5 cards in a black wallet on the floor alongside the table, and 8 cards in a drawer of the table. The police also found and took away 3 machines, namely a ‘skimmer’, an ‘embosser’ and an ‘imprinter’. These were believed to be utilized respectively to read magnetic data on the credit cards and to emboss or imprint data on the credit cards.

Based on the above:

(a) **Examine whether there was an arrest of Chan.**

(8 marks)

- (b) **If there was an arrest of Chan, explain whether the actual time of arrest is of utmost importance.**
(5 marks)
- (c) **Explain the applicable procedure when the police searched the premises without warrant and seized the items from the first room.**
(6 marks)
- (d) **If Chan were to be charged with an offence under section 474 read together with section 467 of the Penal Code, identify the court that has the trial and sentence jurisdiction. In your answer, explain the aforementioned types of jurisdiction.**
(6 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS

2. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) Write short notes on the following:
- (i) **Transfer of cases from one Sessions Court to another Sessions Court.**
(5 marks)
- (ii) **Transfer of cases by the prosecution before trial.**
(5 marks)
- (b) “Where an offence for which a person is charged falls within the jurisdiction of both the Magistrates’ Court and the Sessions Court and the Public Prosecutor has instituted a proceeding in the Sessions Court, the Sessions Court, without the consent of the Public Prosecutor, has no power to transfer

the case to the Magistrates' Court even though the Magistrates' Court has jurisdiction over the offence."

Discuss the statement above.

(8 marks)

- (c) The accused faced several criminal charges before the High Court. The prosecution was led by a lawyer in private practice who was appointed as a Senior Deputy Public Prosecutor (SDPP) under section 376(3) of the Criminal Procedure Code (CPC). The appointment was not only announced by the Public Prosecutor (PP) in a media release but a copy of the letter of appointment (LOA) of the lawyer as SDPP was shown to the accused's counsel at the request of the accused's counsel. By a notice of motion, the accused applied to disqualify the SDPP from continuing to act as a prosecutor. The application also sought to order the PP to produce a copy of the LOA appointing the lawyer as SDPP.

As a High Court Judge, how would you decide on the accused's application?

(7 marks)

3. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) **Explain the requirement of consent and sanction to institute or commence a proceeding and the effect of the lack of each one of them.**

(13 marks)

- (b) Global Services Sdn. Bhd. (GSSB) was charged in a Magistrates' Court for offences under section 43(2) of the Employees Provident Fund Act 1991 (EPFA) for failing to pay monthly Employees Provident Fund (EPF) contributions in respect of or on behalf of an employee. The prosecution was conducted by an EPF officer with a letter of authorization issued by the

Deputy Public Prosecutor (DPP) pursuant to section 377 of the Criminal Procedure Code (CPC). At the close of the prosecution case, a preliminary objection was raised that the prosecution of the case was null and void on the ground that the EPF officer did not have the sanction to conduct the proceedings.

As a Magistrate, how would you decide on the preliminary objection?

(12 marks)

4. Answer ALL parts of this question

OKS was charged under section 233(1)(a) of the Communications and Multimedia Act 1998. A person who commits an offence under this section shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and shall also be liable to a further fine of one thousand ringgit for every day during which the offence is continued after conviction. OKS claimed trial to the charge. The Deputy Public Prosecutor offered a bail of RM10,000.00 with one surety. The counsel for OKS, however, submitted that the bail requirement was not a requisite because the case was only a summons case. The counsel further submitted that OKS was of good character and not a flight risk. After hearing both submissions, the Sessions Court Judge (SCJ) released OKS without bail pending the next court date.

Based on the above:

(a) **Ascertain the pre-trial process or processes until the next court date and analyze the pre-trial process or processes in terms of its or their objectives.**

(10 marks)

(b) **Explain the type of bail referred to in the facts.**

(5 marks)

(c) **Examine the decision of the SCJ to release OKS without bail.**

(10 marks)

5. Answer ALL parts of this question

(a) Explain the following in respect of a criminal appeal:

(i) **Duty of the appellate court is to consider whether the conviction is safe.**

(5 marks)

(ii) **An appellate court should be reluctant to interfere with the trial judge's finding of facts.**

(5 marks)

(iii) **Power of appellate court to review or to re-evaluate all available evidence.**

(5 marks)

(b) Section 178(1) of the Criminal Procedure Code (CPC) provides that when the High Court is ready to commence the trial, the accused shall appear or brought before the High Court and the charge shall be read and explained to him and he shall be asked whether he is guilty of the offence charged or claim to be tried.

State various instances of when the vertical transfers from Subordinate Courts will be effected for the High Court to be ready to commence the trial of an accused person.

(10 marks)

6. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

(a) Hero was charged with statutory rape under section 376(2)(d) of the Penal Code at the Sessions Court in Kangar, Perlis before Judge Tuan Adil. The charge was read to him by the court interpreter, Miss Rose. Hero refused to plead when the charge was read to him.

(i) **Advise the Court on the procedures governing the taking of a plea from the accused person.**

(5 marks)

(ii) **Advise the Court on the trial procedures to be followed if Hero refuses to plead the charge.**

(5 marks)

(b) Mus Nakal was charged under section 379A of the Penal Code at the Magistrates' Court in Butterworth, Penang for an offence of theft of a motorcycle Registration No: PC 007 on 17 March 2022 at 1.20 p.m. in Taman Lama, Butterworth, Penang.

Mus Nakal claims trial, and Magistrate Tuan Badrol Garang fixed 10 September 2022 for hearing.

Earlier on 4 January 2022, Mus Nakal was charged under section 411 of the Penal Code at the Magistrates' Court in Georgetown, Penang for an offence of dishonestly retaining stolen property, a motorcycle Registration No: PC 002, on 28 December 2021 at Jalan Persiaran Yang Dipertua, Georgetown, Penang.

Mus Nakal claimed trial and the case was fixed for hearing on 2 November 2022.

On 10 September 2022, when his second case came up for hearing at the Butterworth Magistrates' Court, the Deputy Public Prosecutor Tuan Mas applied to transfer the case to the Magistrates' Court in Georgetown for both cases to be heard jointly.

Tuan Mas's grounds for making the application for the joint trial were that in both cases, Mus Nakal is the accused person and both cases involve motorcycles.

Lawyer Mat Lawan, appearing as the Counsel for Mus Nakal, objected to the transfer of proceeding and the joint trial.

With reference to relevant statutory provisions and decided cases, discuss whether Tuan Mas's application will be granted by the Court.

(10 marks)

(c) What is the purpose of a charge in a criminal proceeding?

(5 marks)

7. Answer ALL parts of this question

(a) If Magistrate 'A' ceases to exercise jurisdiction in a criminal trial pursuant to section 261 of the Criminal Procedure Code (CPC), the succeeding Magistrate 'B' may either order a trial 'de-Novo' (starting afresh) or continue from where the trial had stopped.

If Magistrate 'B' were to choose to continue from where the trial was left earlier by Magistrate 'A', he may allow an application by the accused to recall witnesses who had testified.

However, there may be exceptions, by which the Court may not allow such an application by an accused.

What are the exceptions?

(10 marks)

- (b) **Elaborate on the significance of a statement of facts tendered by the prosecution when an accused person pleads guilty to a charge.**

(15 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
PEPERIKSAAN TAMBAHAN 2024**

PROSEDUR JENAYAH

Isnin, 11 November 2024

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

-
- *KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - *ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - *ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - *BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - *KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 10 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Pada 8 Jun 2024, sepasukan polis yang diketuai oleh Penolong Penguasa Polis (PPP) Yaakub telah pergi ke sebuah rumah di Kampung Baru Ayer Keroh, Melaka, yang bertindak atas maklumat yang diterima mengenai harta curi. Apabila tiba di rumah itu, mereka telah dibenarkan masuk oleh seorang lelaki Cina yang memperkenalkan dirinya sebagai “Chan”. Terdapat tiga orang di dalam rumah itu pada ketika itu, yang lebih kurang pada pukul 11.45 malam, iaitu Chan dan ibu bapanya. PPP Yaakub telah memperkenalkan dirinya sebagai seorang pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka. Rumah itu mempunyai dua buah bilik yang terletak betul-betul di sebelah kanan rumah itu apabila masuk, ruang depan, dapur dan bilik mandi di belakang rumah itu. Selepas membenarkan polis masuk ke dalam rumah, Chan telah diberitahu oleh PPP Yaakub, “Ikut saya” dan Chan mengikutinya. Chan kemudiannya telah ditanya oleh PPP Yaakub, “Di mana bilik awak?” yang baginya Chan menjawab, “Sana tuan” sambil menunjuk ke arah bilik pertama di sebelah kanan rumah itu. Polis kemudiannya telah menggeledah rumah itu, bermula dengan bilik pertama. Apabila memasuki bilik pertama itu, Chan, yang sedang mengikuti PPP Yaakub, sekali lagi ditanya, “Ini bilik siapa?” yang baginya Chan menjawab, “Bilik saya tuan.”. Polis telah menjumpai dan mengambil dari bilik pertama itu sejumlah 19 kad kredit yang mengandungi nama dan nombor yang berbeza, tiada satu pun daripada kad itu mempunyai nama Chan. Daripada 19 kad yang berbeza itu, 6 kad telah dijumpai di dalam sebuah beg hitam di atas sebuah meja, 5 kad di dalam sebuah dompet hitam di atas lantai di sebelah meja itu, dan 8 kad di dalam laci meja itu. Polis juga telah menjumpai dan mengambil 3 mesin, iaitu ‘*skimmer*’, ‘pencetak timbul’ dan ‘pengimprin’. Mesin-mesin ini dipercayai digunakan masing-masing untuk membaca data magnetik pada kad-kad kredit itu dan untuk mencetak timbul atau mengimprin data pada kad-kad kredit itu.

Berdasarkan perkara di atas:

- (a) **Kaji sama ada terdapat penangkapan terhadap Chan.**
(8 markah)
- (b) **Jika terdapat penangkapan terhadap Chan, jelaskan sama ada masa sebenar penangkapan itu adalah sangat penting.**
(5 markah)
- (c) **Jelaskan prosedur yang terpakai apabila polis menggeledah premis itu tanpa waran dan menyita barang-barang dari bilik pertama.**
(6 markah)
- (d) **Jika Chan dipertuduh bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 474 dibaca bersama dengan seksyen 467 Kanun Keseksaan, kenal pasti mahkamah yang mempunyai bidang kuasa perbicaraan dan hukuman. Dalam jawapan anda, jelaskan jenis bidang kuasa yang disebut terdahulu itu.**
(6 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN

2. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Tulis nota ringkas mengenai perkara yang berikut:
- (i) **Pemindahan kes dari satu Mahkamah Sesyen ke satu Mahkamah Sesyen yang lain.**
(5 markah)

(ii) **Pemindahan kes oleh pihak pendakwaan sebelum perbicaraan.**

(5 markah)

- (b) “Jika suatu kesalahan yang baginya seseorang itu dipertuduh termasuk dalam bidang kuasa kedua-dua Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen dan Pendakwa Raya telah memulakan prosiding di Mahkamah Sesyen, Mahkamah Sesyen itu, tanpa keizinan Pendakwa Raya, tidak mempunyai kuasa untuk memindahkan kes itu ke Mahkamah Majistret walaupun Mahkamah Majistret itu mempunyai bidang kuasa ke atas kesalahan itu.”

Bincangkan pernyataan di atas.

(8 markah)

- (c) Tertuduh telah menghadapi beberapa pertuduhan jenayah di hadapan Mahkamah Tinggi. Pihak pendakwaan telah diketuai oleh seorang peguam yang menjalankan amalan persendirian yang telah dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya Kanan (TPRK) di bawah seksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Pelantikan itu bukan sahaja diumumkan oleh Pendakwa Raya (PR) dalam suatu kenyataan media tetapi sesalinan surat pelantikan (SP) peguam itu sebagai TPRK telah ditunjukkan kepada peguam tertuduh atas permintaan peguam tertuduh itu. Melalui suatu notis usul, tertuduh telah memohon untuk membatalkan kelayakan TPRK itu daripada terus bertindak sebagai seorang pendakwa. Permohonan itu juga memohon untuk memerintahkan PR untuk mengemukakan sesalinan SP yang melantik peguam itu sebagai TPRK.

Sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi, bagaimanakah anda membuat keputusan mengenai permohonan tertuduh?

(7 markah)

3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) **Jelaskan kehendak keizinan dan sanksi untuk memulakan suatu prosiding dan kesan ketiadaan setiap satu daripadanya.**

(13 markah)

- (b) Global Services Sdn. Bhd. (GSSB) telah dipertuduh di Mahkamah Majistret bagi kesalahan di bawah seksyen 43(2) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (AKWSP) kerana gagal membayar caruman bulanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berkenaan dengan atau bagi pihak seorang pekerja. Pendakwaan telah dijalankan oleh seorang pegawai KWSP dengan surat kuasa yang dikeluarkan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) menurut seksyen 377 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Pada akhir kes pendakwaan, suatu bantahan awal telah dibangkitkan bahawa pendakwaan kes itu adalah batal dan tidak sah atas alasan bahawa pegawai KWSP itu tidak mempunyai sanksi untuk menjalankan prosiding itu.

Sebagai seorang Majistret, bagaimanakah anda membuat keputusan mengenai bantahan awal itu?

(12 markah)

4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

OKS telah dipertuduh di bawah seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan. OKS telah minta bicara atas pertuduhan itu. Timbalan Pendakwa Raya telah menawarkan jaminan sebanyak RM10,000.00

dengan seorang penjamin. Peguam bagi OKS, walau bagaimanapun, telah menghujahkan bahawa kehendak jaminan itu bukanlah suatu yang perlu kerana kes itu hanyalah kes saman. Peguam selanjutnya berhujah bahawa OKS berkelakuan baik dan tidak berisiko untuk melarikan diri. Selepas mendengar kedua-dua hujahan, Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah membebaskan OKS tanpa jaminan sementara menunggu tarikh mahkamah yang berikutnya.

Berdasarkan perkara di atas:

- (a) **Tentukan proses atau proses-proses sebelum bicara sehingga tarikh mahkamah yang berikutnya dan buat analisis proses atau proses-proses sebelum bicara dari segi objektif-objektifnya.**

(10 markah)

- (b) **Jelaskan jenis jaminan yang dirujuk dalam fakta.**

(5 markah)

- (c) **Kaji keputusan HMS untuk membebaskan OKS tanpa jaminan.**

(10 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

- (a) Jelaskan yang berikut berkenaan dengan rayuan jenayah:

- (i) **Tanggungjawab mahkamah rayuan adalah untuk mempertimbangkan sama ada sabitan adalah selamat.**

(5 markah)

- (ii) **Mahkamah rayuan sepatutnya keberatan untuk campur tangan dengan dapatan fakta hakim perbicaraan.**

(5 markah)

- (iii) **Kuasa mahkamah rayuan untuk mengkaji semula atau menilai semula semua keterangan yang ada.**

(5 markah)

- (b) Seksyen 178(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) memperuntukkan bahawa apabila Mahkamah Tinggi bersedia untuk memulakan perbicaraan, tertuduh hendaklah hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah Tinggi dan pertuduhan hendaklah dibacakan dan dijelaskan kepadanya dan dia hendaklah ditanya sama ada dia bersalah atas kesalahan yang dipertuduh itu atau minta dibicarakan.

Nyatakan pelbagai contoh tentang bila pemindahan menegak dari Mahkamah Rendah dilaksanakan untuk Mahkamah Tinggi bersedia memulakan perbicaraan seseorang tertuduh.

(10 markah)

6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Hero telah dipertuduh dengan kesalahan rogol bawah umur di bawah seksyen 376(2)(d) Kanun Keseksan di Mahkamah Sesyen di Kangar, Perlis di hadapan Hakim Tuan Adil. Pertuduhan telah dibacakan kepadanya oleh jurubahasa mahkamah, Cik Rose. Hero enggan membuat akuan apabila pertuduhan dibacakan kepadanya.

- (i) **Berikan nasihat kepada Mahkamah mengenai prosedur yang mentadbir pengambilan akuan daripada orang tertuduh.**

(5 markah)

- (ii) **Berikan nasihat kepada Mahkamah mengenai prosedur perbicaraan yang hendaklah diikuti jika Hero enggan membuatakuan bagi pertuduhan itu.**

(5 markah)

- (b) Mus Nakal telah dipertuduh di bawah seksyen 379A Kanun Keseksaan di Mahkamah Majistret di Butterworth, Pulau Pinang bagi suatu kesalahan mencuri sebuah motorsikal Nombor Pendaftaran: PC 007 pada 17 Mac 2022 pada pukul 1.20 petang di Taman Lama, Butterworth, Pulau Pinang.

Mus Nakal minta bicara, dan Majistret Tuan Badrol Garang telah menetapkan 10 September 2022 untuk pendengaran.

Sebelum itu pada 4 Januari 2022, Mus Nakal telah dipertuduh di bawah seksyen 411 Kanun Keseksaan di Mahkamah Majistret di Georgetown, Pulau Pinang bagi suatu kesalahan dengan curang menyimpan harta curi, sebuah motorsikal Nombor Pendaftaran: PC 002, pada 28 Disember 2021 di Jalan Persiaran Yang Dipertua, Georgetown, Pulau Pinang.

Mus Nakal minta bicara dan kes itu telah ditetapkan untuk pendengaran pada 2 November 2022.

Pada 10 September 2022, apabila kes keduanya didengar di Mahkamah Majistret Butterworth, Timbalan Pendakwa Raya Tuan Mas telah memohon untuk memindahkan kes itu ke Mahkamah Majistret di Georgetown bagi kedua-dua kes itu didengar bersesama.

Alasan Tuan Mas untuk membuat permohonan bagi perbicaraan bersama adalah bahawa dalam kedua-dua kes itu, Mus Nakal ialah orang tertuduh dan kedua-dua kes itu melibatkan motorsikal.

Peguam Mat Lawan, yang hadir sebagai Peguam bagi Mus Nakal, telah membantah pemindahan prosiding dan perbicaraan bersama itu.

Dengan merujuk kepada peruntukan statutori yang berkaitan dan kes-kes yang telah diputuskan, bincangkan sama ada permohonan Tuan Mas akan dibenarkan oleh Mahkamah.

(10 markah)

(c) **Apakah tujuan sesuatu pertuduhan dalam suatu prosiding jenayah?**

(5 markah)

7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

(a) Jika Majistret 'A' terhenti menjalankan bidang kuasa dalam suatu perbicaraan jenayah menurut seksyen 261 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), Majistret 'B' yang menjadi pengganti boleh sama ada memberikan perintah perbicaraan 'de-Novo' (bermula semula) atau menyambung daripada mana perbicaraan itu telah terhenti.

Jika Majistret 'B' memilih untuk menyambung daripada mana perbicaraan itu telah ditinggalkan sebelumnya oleh Majistret 'A', dia boleh membenarkan suatu permohonan oleh tertuduh untuk memanggil semula saksi-saksi yang telah memberikan keterangan.

Walau bagaimanapun, mungkin terdapat kecualian-kecualian, yang baginya Mahkamah tidak membenarkan permohonan itu oleh seorang tertuduh.

Apakah kecualian-kecualian itu?

(10 markah)

- (b) **Huraikan kepentingan suatu pernyataan fakta yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan apabila seseorang tertuduh mengaku salah atas suatu pertuduhan.**

(15 markah)

oOOo